

Muhyiddin kekal PM

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin dan kerajaannya diyakini tidak jatuh sebelum usul undi percaya diadakan di sidang Parlimen, September ini.


Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Prof. Madya Dr. Khairil Azmin Mokhtar berkata, ia berdasarkan jaminan bahawa beliau masih ada majoriti ahli-ahli parlimen.

Justeru, menurut beliau, selagi belum dibuktikan mana-mana pihak mempunyai majoriti, selagi itu Muhyiddin kekal sebagai Perdana Menteri.

“Perdana Menteri berkata beliau masih ada majoriti, jadi isu-isu seperti peletakan jawatan atau kerajaan jatuh tidak berbangkit. Beliau masih layak pegang jawatan hinggalah dibuktikan beliau atau orang lain ada majoriti.

“Memang ada yang persoalan, tetapi kalau benar Muhyiddin tidak ada majoriti, adakah orang lain ada majoriti? Sekarang ini tiada siapa tahu siapa yang sokong Perdana Menteri, siapa yang tidak,” katanya.

Justeru, beliau menyifatkan keputusan mengadakan usul undi percaya adalah wajar ke-



KENDERAAN membawa Muhyiddin Yassin memasuki Bangunan Perdana Putra di Putrajaya bagi mengadakan mesyuarat khas bersama menteri Kabinet semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

rana ia lebih tepat berbanding akuan bersumpah (SD).

“Isu ini timbul kerana penarikan sokongan ahli-ahli Parlimen UMNO terhadap Muhyiddin, tetapi ia bukan kali pertama sedangkan masih ramai ahli-ahli Parlimen UMNO yang menyokong Muhyiddin. Yang di-

Pertuan Agong berhak untuk berpegang kepada maklumat asal dan status quo yang sedia ada,” kata beliau.

Dalam pada itu, pakar perlembagaan, Dr. Muhammad Fathi Yusof berpendapat semua pihak perlu memberikan ruang kepada kerajaan sebelum usul pengun-

dian diadakan.

“Proses pengundian di Parlimen adalah kaedah terbaik untuk menilai tahap kehilangan sokongan. Selagi tiada maklumat yang sahih maka Agong berhak untuk berpegang kepada maklumat asal dan status quo yang sedia ada,” katanya.